KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	22.04.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JMG			

Tanah runtuh ancam keselamatan murid, guru sekolah

Gelinciran tebing didakwa berpunca projek perumahan berhampiran SKSE makin serius

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my



Keadaan runtuhan tanah yang semakin serius dipercayai berpunca daripada projek berhampiran, mengancam keselamatan murid dan guru Sekolah Kebangsaan Simpang Empat (SKSE), Alor Gajah.
(Foto Hassan Omar/BH)

Alor Gajah: Keselamatan warga Sekolah Kebangsaan Simpang Empat (SKSE), di sini semakin terancam berikutan gelinciran tebing berhampiran sekolah yang didakwa berpunca daripada projek perumahan berhampiran semakin serius.

Runtuhan tanah yang hanya beberapa meter dari sekolah itu terutama Blok C dan kantin dikesan semakin membimbangkan.

Yang Dipertua (YDP) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SKSE, Taufik Abdul Rahman, 48, mendakwa sejak pembinaan 16 unit rumah berhampiran sekolah itu dua tahun lalu, runtuhan tebing semakin merebak hingga menghampiri bangunan sekolah.

Beliau berkata, Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Alor Gajah sudah memberi arahan supaya keseluruhan Blok C yang menempatkan tujuh kelas dan 210 murid dikosongkan mulai Mac lalu.

"Kami ibu bapa amat kecewa apabila Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Alor Gajah mengeluarkan kenyataan Blok C tidak akan digunakan selagi JKR tidak mengeluarkan kenyataan ia selamat diduduki," katanya ketika ditemui.

Beliau mendakwa, pemaju perumahan berkenaan menarah tebing berhampiran sekolah tanpa mematuhi spesifikasi ditetapkan Majlis Daerah Alor Gajah (MPAG).

Katanya, walaupun pemaju sudah membuat kerja pembaikan cerun, gelinciran tanah masih berlaku hingga sekarang.

"Kami amat bimbang keselamatan anak kami dan guru serta kakitangan terancam akibat gelinciran tanah yang semakin serius, terutama pada musim hujan," katanya.

Taufik berkata, berikutan arahan pengosongan Blok C, pihak pentadbir sekolah terpaksa menempatkan murid dalam perpustakaan, bilik reka bentuk dan teknologi (RBT) dan bilik tayang.

"Bagaimanapun, 70 murid prasekolah dalam dua kelas berasingan masih ditempatkan di Blok C berikutan ketiadaan kelas lain untuk menampung jumlah murid berkenaan," katanya.

Beliau mendakwa, sudah beberapa kali membawa masalah berkenaan kepada pelbagai pihak bertanggungjawab seperti PPD Alor Gajah, Jabatan Pendidikan Melaka, JKR dan MPAG, namun tiada satu pun yang mampu memberikan keputusan konkrit mengenai kaedah untuk mengatasinya.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak, termasuk kerajaan negeri meneliti masalah berkenaan demi keselamatan dan pembelajaran yang sempurna untuk murid.